

Headline	Bunga Rafflesia kembang 10 kelopak catat sejarah		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	28 Jun 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N2	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,063
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,190



Bunga Rafflesia kembang 10 kelopak catat sejarah

GERIK: Hutan Royal Belum, di sini, iaitu antara hutan tertua dunia mencatat sejarah tersendiri apabila bunga Rafflesia di situ kembang dengan 10 kelopak pada Sabtu lalu.

Kebiasaannya, bunga yang turut dinobatkan bunga terbesar dunia itu hanya mampu berkembang antara lima dan enam kelopak, selain rekod terbaru tujuh kelopak di hutan sama, tahun lalu.

Pengurus Taman Negeri Perbadanan Taman Negeri Perak, Ilylia Ainuddin, berkata pengkaji dari Bahagian Rafflesia Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengesahkan ia catatan terbaru dalam evolusi tumbuhan parasit itu.


"Bunga berkenaan ditemui ketika pemeriksaan rutin dilakukan pega-

wai kami di hutan berusia kira-kira 130 juta tahun itu. Kebiasaannya, hanya lima kelopak berkembang dan enam kelopak yang direkodkan di Taman Negara Gunung Gading, Kuching, Sarawak," katanya.

Beliau berkata, bunga berkenaan adalah spesies revolusi cantuman dua jenis Rafflesia iaitu *Cantleyi* dan *Azlanii* selain mampu berkembang antara lima dan tujuh hari sebelum bertukar hitam dan mati.

"Ini adalah penemuan luar biasa dan unik serta belum ditemui di lokasi lain habitat tumbuhan itu. Sampel bunga berkenaan dibawa balik ke FRIM untuk kajian lanjut.

"Kelopak bunga itu terdiri daripada lima dari spesis *Azlanii* berukuran diameter 46 sentimeter, manakala selebihnya dari spesis *Cantleyi* yang lebih kecil," katanya.



IYLIA menunjukkan bungan Rafflesia kembang sepuluh kelopak di Hutan Royal Belum.